

Sinar Harian 4/12/2013

Aplikasi Malaysia Train dicipta

MALAYSIA Train merupakan satu aplikasi mudah alih yang dibangunkan bertujuan memudahkan pengguna tren di sekitar Lembah Klang, terutama pelancong untuk menguruskan penjadualan masa serta perjalanan sehari-hari mereka menggunakan perkhidmatan pengangkutan tren.

Aplikasi *Malaysia Train* ini merangkumi semua rangkaian tren di sekitar Lembah Klang iaitu ERL, LRT, KTM Komuter dan KL Monorel.

Menggunakan aplikasi *Malaysia Train*, pengguna dapat mengetahui jarak dan lokasi stesen tren terdekat dengan penggunaan teknologi GPS untuk kenal pasti kedudukan semasa pengguna.

Untuk menggunakan perkhidmatan tren, pengguna dapat merancang perjalanan mereka dengan memilih maklumat tersedia dalam aplikasi serta stesen destinasi dan dengan serta-merta aplikasi akan memaparkan anggaran masa sampai ke destinasi berserta jumlah tambang.

Aplikasi juga mampu memaparkan setiap pertukaran stesen yang terlibat dan ini sangat memudahkan pengguna yang tidak tahu atau kurang pasti untuk memilih jenis laluan tren dan di mana perlu membuat pertukaran stesen.

Di samping itu juga, aplikasi *Malaysia Train* secara pintar membantu pengguna memilih setiap laluan perjalanan terpantas mahupun termurah bagi setiap laluan.

Pengguna juga boleh memilih paparan peta rangkaian tren dalam



Empat penyelidik dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang telah mencipta aplikasi *Malaysia Train*.

empat versi iaitu Standard, Setellite, Hybrid serta Metro. Aplikasi ini direka khas bagi kegunaan iPhone, iPad dan iPod Touch versi iOS 6.1 ke atas. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara Percuma di Apple AppStore dengan menaip kata kekunci "malaysiatrain" atau "mytrain". Dalam tempoh 10 hari pertama aplikasi ini berada di Apple App Store, aplikasi *Malaysia Train* telah dimuat turun melebihi 500 pengguna dari seluruh dunia dengan nisbah 50:50 pengguna tempatan dan dari negara lain. Menurut salah seorang penyelidik, Noor Aida Mahiddin pelancaran aplikasi *MalaysiaTrain* untuk versi Android serta Windows Phone akan diadakan dalam masa terdekat.

Katanya, idea untuk

membangunkan aplikasi ini tercusus ketika melancong ke Hong Kong dan Shenzhen, China bersama kawan.

"Di sana kami mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dengan penduduk di China yang tidak tahu bertutur dalam bahasa Inggeris serta kesukaran untuk mengetahui lokasi stesen terdekat.

"Memahami masalah sama mungkin dihadapi oleh pelancong yang datang ke Malaysia, maka idea ini dicetuskan.

Aplikasi ini telah dipertandingkan dalam *International Conference and Exposition on Invention of Institutions of Higher Learning (PECIPTA'13)* dan telah mendapat penghargaan dengan memenangi dua anugerah iaitu Pingat Emas dan Anugerah Khas dari Korea University Invention Association.

UiTM Terengganu juara debat

DUNGUN – Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu semalam muncul juara pertandingan debat Piala Sultan Zainal Abidin ke-13 bagi kategori bahasa Melayu dan membawa pulang wang tunai RM1,500.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pula muncul naib johan kategori itu dengan membawa pulang wang tunai RM750.

Bagi kategori bahasa Inggeris pula, johan dimenangi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kampus Pahang manakala naib juara diungguli oleh UiTM Terengganu.

Masing-masing membawa pulang wang tunai RM1,500 dan RM750.

Sebanyak 88 mahasiswa dari tujuh buah universiti di seluruh

negara menyertai pertandingan debat anjuran Kelab Debat & Pidato UiTM Terengganu yang bermula tiga hari lalu.

Tujuh buah universiti yang terlibat ialah UIA kampus Kuantan, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, UniSZA, Universiti Malaysia Terengganu, UiTM Bukit Besi dan UiTM Dungun. – Bernama

KOSMO 24/12/2013